

12 DEC 2002

JEPUN LULUSKAN PINJAMAN MUDAH UNTUK PROJEK INFRASTRUKTUR

TOKYO, 12 Dis (Bernama) -- Jepun telah meluluskan pinjaman mudah bagi Malaysia untuk membiayai projek bagi memindahkan air dari Pahang ke Selangor, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata beliau dimaklumkan oleh rakan sejawatannya Junichiro Koizumi mengenai perkara itu semasa pertemuan di pejabat Koizumi di sini, hari ini.

Jumlah pinjaman itu akan diputuskan oleh para pegawai kedua-dua negara, katanya kepada wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatan rasminya ke negara ini, di suit hotel penginapannya di sini.

Mengenai upacara menghadap Maharaja Akihito di Istana Maharaja pagi ini, Dr Mahathir berkata beliau telah menyampaikan jemputan negara untuk melawat Malaysia.

"Yang di-Pertuan Agong akan melawat negara ini, diharap pada 2004 (Maharaja Akihito dan Maharani Michiko akan melawat negara kita). Baginda berpengetahuan luas tentang Malaysia," kata beliau.

Dr Mahathir yang tiba awal pagi ini, telah menghadap Maharaja Akihito di Istana Maharaja sebelum menghadiri seminar ulangtahun ke-20 Dasar Pandang Ke Timur di mana beliau menyampaikan ucapan dan kemudian menyertai sesi dialog.

-- BERNAMA

HS HS NAK